

04/11/1998

Airod terajui konsortium aeroangkasa

Ebi Azly Abdullah

SUBANG, Selasa - Kerajaan bersetuju menggabungkan empat syarikat aeroangkasa tempatan sebagai satu konsortium yang akan diketuai Airod Sdn Bhd (Airod), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, selain Airod, tiga lagi syarikat yang terbabit dengan penggabungan itu ialah Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd (AIM), Upeca Engineering Sdn Bhd dan SME Industries Sdn Bhd.

Beliau menjelaskan, penggabungan empat syarikat itu akan mengelakkan pertindihan tanggungjawab, mengurangkan kos serta menjadikan industri aeroangkasa tempatan lebih bersaing di peringkat antarabangsa.

"Kita sedang berusaha ke arah (penggabungan) ini. Kita sudah bersetuju pada dasarnya. Persoalannya kini hanya untuk menilai setiap syarikat dan peranan mereka," katanya pada sidang akhbar di Hangar Airod, di sini petang ini.

Terdahulu beliau menyaksikan majlis penyerahan komponen Boeing 757/767 yang dipasang Airod kepada ShinMaywa dari Jepun dan komponen booster rocket kepada MacNab Engineering dari Amerika Syarikat.

Airod turut dianugerahkan penarafan ISO9002 oleh Bureau Veritas Quality International dari Perancis. Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dr Mahathir berkata, konsortium itu pada mulanya akan memberi tumpuan kepada pengeluaran komponen, peningkatan taraf pesawat, pemasangan elektrik dan avionik serta penyenggaraan pesawat.

Ditanya mengapa Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) tidak terbabit dalam konsortium itu, Dr Mahathir menjelaskan: "CTRM ketika ini sedang beroperasi secara persendirian. Mereka pakar dalam bidang komposit, jadi buat masa ini kita asingkan mereka dulu."

Minggu lalu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menggabungkan semua syarikat aeroangkasa tempatan dalam satu konsortium sebagai langkah membangunkan industri terbabit.

Cadangan menggabungkan firma aeroangkasa tempatan itu adalah salah satu daripada 45 peruntukan Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia yang dilancarkan Disember tahun lalu.

Antaranya ialah 'untuk menggabungkan pelbagai syarikat pesawat ringan sebagai satu entiti menerusi penggabungan, atau penubuhan konsortium yang akan dipanggil Konsortium untuk Pesawat dan Sistem Ringan, yang diketuai usahawan yang pakar dalam aeroangkasa'.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri mengiktiraf Airod yang dianggapnya mempunyai pengurusan terbaik dan yakin masa depan syarikat itu amat cerah.

"Saya berharap penggabungan pelbagai syarikat aeroangkasa di negara ini akan disegerakan dan saya ingin melihat (Presiden Airod, Tan Sri) Ahmad Johan mengetuai konsortium terbabit," katanya.

Dr Mahathir turut mengiktiraf kejayaan CTRM menjual 250 pesawat ringan Lancair Columbia 300 ke Amerika yang dianggapnya satu 'pertukaran peranan' di antara Malaysia dan Amerika.

"Ia membuktikan jika kita mempunyai keyakinan dan semangat untuk berjaya, kita akan berjaya melakukan pelbagai perkara yang sebelum ini dianggap sukar," katanya.

Sementara itu, Ahmad Johan berkata syarikat itu melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pucuk pimpinan Dr Mahathir dan kerajaan kerana bersetuju menggabungkan empat syarikat berkenaan sebagai satu entiti.

"Segala keupayaan, kemudahan dan kemampuan yang ada kini boleh dirasionalisasikan, sehingga negara boleh meluaskan kebolehan memenuhi keperluan pasaran aeroangkasa di masa depan," katanya.

(END)